



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

10 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

10 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)

GOVERNMENT DEALS WITH HIGH CHICKEN PRICES

KUALA LUMPUR: The government is concerned over the recent increases in the price of consumer goods and is committed to ensuring that this is addressed quickly for the welfare of Keluarga Malaysia (the Malaysian Family), said Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob on Jan 24.

On Jan 31, he chaired the National Action Council on Cost of Living (NACCOL), which decided to lower the maximum price of standard chickens by 20 sen, from RM9.10 to RM8.90 per kg. Ceiling prices of chicken eggs for all grades will remain the same. This will be in force until June 5.

This was done under the Malaysian Family Maximum Price Scheme (or Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia, SHMKM). This was the third time that the price of chicken has been reduced.

During the Deepavali celebration, the price was fixed at RM9.50 per kg. During the initial SHMKM (Dec 7 to Dec 31, 2021), it was lowered to RM9.30. The price was further lowered to RM9.10 when SHMKM was extended to Feb 4. And now, it has come down to RM8.90.

Other steps are being taken to increase the supply of chicken in the local market. Ismail Sabri said that import permits for whole chickens are now open to all chicken importers with approved permits (AP). Before this, the import of only chicken parts such as wings and thighs was permitted. In addition, chicken import APs are to be extended to hypermarkets.

Another method to control inflation is to intensify the *Keluarga*



Ensuring the welfare of the Malaysian Family: Under SHMKM, the maximum price of standard chickens has been lowered to RM8.90 per kg, while ceiling prices of chicken eggs will remain the same until June 5.

Malaysia Sales Programme (PJKM), slated for all 222 parliamentary constituencies, to help the people have more access to cheaper basic necessities.

"Kedai Harga Patut (Fair Price Shops) also need to be reactivated nationwide, while Pasar Tani (Farmers Markets) must operate as frequently as possible," said Ismail Sabri on Jan 31.

"Cooperatives involved in the agricultural industry will be roped in to offer basic necessities without the involvement of middlemen as a way to stabilise prices," he added.

The NACCOL meeting also agreed to instruct the Malaysian Competition Commission to investigate the possibility of cartels fixing the price of chicken and eggs.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said on Feb 2 that if the government did not control prices, the retail price of chicken would probably exceed RM10 per kg because the cost of poultry farming has increased by 70 percent.

For one, the grains to feed the birds are no longer "chicken feed".

Since Oct 2020, the cost of corn has shot up by more than 60%, while soybean meal prices have gone up by more than 40%. Another problem is the lack of foreign workers, many of whom have returned to their home countries during the Covid 19 pandemic.

Thus, the lowering of retail prices (while costs have gone up) may jeopardise the chicken farming industry, (and our food security), with smaller farms being forced to close down.

To deal with this, Ismail Sabri said on Jan 31 that the government

will provide subsidies to the industry to help them as well. Details on the subsidies will be implemented by a cost of living task force until prices stabilise. The task force is headed by the Agriculture and Food Industry Ministry (MAFI), in association with several other ministries, representatives of government-linked companies and consumer bodies.

As for the lack of foreign labour, the Prime Minister said applications to hire Bangladeshi workers were opened in stages on Jan 28.

The NACCOL meeting also discussed the longer-term measures needed to address the issue of food supply and production, especially for chicken and chicken eggs.

For one, the Finance Ministry will look into tax incentives to facilitate a transformation of the chicken farming industry, said Ismail Sabri.

Another step is to support research carried out by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) on how oil palm kernel can replace corn and soy as chicken feed to lower costs.

The Prime Minister also proposed that state governments extend the period for agricultural activities for lands under temporary occupation licences (TOL).

"(More) long-term action plans will be discussed in detail in the next NACCOL meeting," he said.

"Proactive action must be taken by the government to ensure prices remain reasonable, while at the same time also ensuring the chicken farming industry is not impacted and able to ensure supply remains stable."

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **10/2/2022**
M/SURAT : **16**



• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.45	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM9.59
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembung	RM13.99	• Bawang Besar Holland	RM2.50	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.79
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.35	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

10 FEBRUARI 2022 (KHAMIS)

MyCC siasat persatuan keluar isyarat berlaku kenaikan harga

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menegaskan kenyataan beberapa gabungan dan pertubuhan berkaitan kenaikan harga barang dan gangguan bekalan makanan tertentu boleh disia-

sat mengikut Akta Persaingan 2010.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata sebagai badan penguat kuasa yang diberi mandat melindungi proses persaingan, MyCC bimbang dengan kenyataan terabit kerana entiti berkenaan mempunyai pengaruh kuat dalam pasaran berkaitan.



Isyarat harga boleh membawa maksud pelawaan untuk bersepakat atau pendedahan penentuan harga berpotensi menyebabkan kesan antipersaingan boleh dianggap sebagai pelanggaran.

Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC

Katanya, antara kenyataan berkenaan ialah meminta pengguna bersedia menghadapi + kenaikan sehingga 10 peratus bagi harga makanan serta bukan makanan dan jangkaan berlaku gangguan bekalan makanan tertentu sehingga Ramadhan dan Aidilfitri.

Nasional 6

‘Kenyataan boleh resahkan pengguna’

Dari Muka 1

“MyCC memandang kenyataan entiti-entiti ini dengan penuh keimbangan. Perlu ditekankan di sini bahawa entiti-entiti ini mempunyai pengaruh kuat dalam pasaran yang berkaitan. Oleh itu, kenyataan berkenaan boleh dianggap sebagai percuapan untuk mempengaruhi tingkah laku perusahaan dalam pasaran.

“Tindakan sedemikian, jika didapati mempunyai unsur-unsur menghalang, menyekat atau, mengganggu persaingan secara signifikan dalam pasaran, boleh menimbulkan isu persaingan di bawah Akta Persaingan 2010,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Di bawah Akta Persaingan 2010, perbadanan atau syarikat yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM10 juta, manakala individu pula denda sehingga RM2 juta, penjara lima tahun atau kedua-duanya, atau boleh dikompaun mengikut kuasa menteri.

Iskandar berkata, kenyataan yang dikeluarkan oleh entiti berkenaan adalah tidak perlu kerana ia boleh menimbulkan kesan panik dalam kalangan pengguna.

“Sebagai contoh, memberi isyarat kepada pasaran mengenai potensi kenaikan harga.

“Iisyarat harga boleh membawa maksud kepada pelawaan untuk bersepakat atau pendedahan penentuan harga berpotensi menyebabkan kesan antipersaingan boleh dianggap sebagai pelanggaran di bawah larangan perjanjian antipersaingan generik atau larangan amalan bersepakat,” katanya.

Kenyataan MyCC berkenaan susulan beberapa isu kekurangan bekalan barang keperluan dan makanan yang dihadapi orang ramai kebelakangan ini.

Pihak industri, termasuk pengeluar dan pengilang mendakwa, kenaikan harga beberapa barang mungkin sukar untuk dielakkan berikutan lonjakan kos bahan mentah serta kekurangan pekerja asing yang dihadapi terutama selepas pas-

capandemik COVID-19.

Selain itu, mereka turut berdepan dengan faktor peningkatan kos logistik, aliran menaik harga minyak mentah serta kenaikan tarif elektrik.

Pada 5 Februari lalu, Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Soh Thian Lai dilaporkan berkata, pengguna perlu bersiap sedia untuk berdepan kenaikan harga sehingga 10 peratus, melainkan kos makanan dan barang bukan makanan terkawal.

Thian Lai mendakwa, ia berdasarkan hasil tinjauan FMM mengenai impak kenaikan harga ke atas barang seperti roti, telur, lampin dan sabun pencuci, pada Disember lalu, mendapat sebahagian besar responden bercadang menyalurkan kos kepada pengguna, melainkan tindakan drastik diambil bagi membendung kenaikan harga.

Izin lalu pula, Timbalan Pengerusi Gabungan Persatuan Peladang Ternakan Malaysia (FLFAM), Lee Yoon Yeau, dilaporkan berkata masalah kekurangan bekalan telur ayam di

pasaran berlarutan sehingga Ramadan yang didakwa berpunca daripada kenaikan kos pengeluaran penternak.

Beliau mendakwa, penternak dan pengeluar mungkin memiliki mengurangkan pengeluaran bagi menampung kos pengeluaran masing-masing, sekali gus menyebabkan bekalan akan terganggu.

Justeru, katanya, persatuan berharap supaya subsidi dedak diberikan kepada penternak dan pengeluar bagi mengatasi peningkatan kos dedak.

Kelman, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, KPDNHEP akan mengadakan perbincangan segera bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mencari penyelesaian isu kekurangan bekalan telur ayam di pasaran.

Beliau berkata, ia susulan pelbagai rungutan dan kebimbangan diluhukan masyarakat akibat kekurangan bekalan telur di pasaran terutama menjelang Ramadan dan Syawal nanti.

HARI : KHAMIS
TARIKH : 10/2/2022
M/SURAT : 6

Semakan kehakiman Grab cabar MyCC ditangguh

Putrajaya: Mahkamah Persekutuan semalam memerintahkan pendengaran permohonan semakan kehakiman dikemukakan Grab Holdings Inc dan dua anak syarikatnya bagi mencabar cadangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengenakan denda RM86.77 juta terhadap mereka di Mahkamah Tinggi, ditangguhkan.

Panel tiga hakim Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Rohana Yusuf bersama-sama Datuk Abdul Rahman Sebli dan Datuk Mary Lim Thiam Suan memerintahkan pendengaran yang ditetapkan pada 14 Februari ini ditangguhkan selepas membenarkan permohonan Peguam Datuk Seri Gopal Sri Ram yang mewakili MyCC.

Panel membenarkan permohonan penangguhan itu sementara MyCC mendapatkan alasan penghakiman Mahkamah Rayuan yang memberikan kebenaran kepada Grab Holdings, GrabCar + Sdn Bhd dan MyTeksi Sdn Bhd memulakan prosiding semakan kehakiman untuk mencabar cadangan MyCC.

Mahkamah Persekutuan turut menangguhkan prosiding hari ini untuk mendengar permohonan MyCC bagi mendapatkan kebenaran bagi merayu keputusan Mahkamah Rayuan itu.

"Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, kami menangguhkan prosiding ini sementara alasan penghakiman mahkamah rayuan diperoleh MyCC.

"Kami memerintahkan penangguhan sementara pendengaran semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi hingga permohonan MyCC mendapatkan kebenaran merayu diputuskan (Mahkamah Persekutuan)," kata Rohana.

Terdahulu, peguam Datuk Malik Imtiaz Sarwar yang bertindak bagi pihak Grab membantah permohonan peguam untuk menangguhkan prosiding.

Pada 19 April lalu, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Hanipah Farikullah memberi kebenaran kepada Grab Holdings dan dua anak syarikatnya untuk memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar cadangan MyCC untuk mendenda syarikat perkhidmatan e-hailing itu.

MyCC mendakwa Grab menyalahgunakan kedudukannya yang dominan dengan mengenakan beberapa klausu sekatan ke atas pemandunya bagi menghalang mereka mempromosikan pesaing syarikat itu di platform e-hailing.

Persatuan akur teguran kenyataan timbulkan panik

Unjuran kenaikan harga berdasarkan maklum balas responden melalui tinjauan FMM

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Beberapa gabungan dan persatuan perusahaan akur dengan teguran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) supaya tidak mengeluarkan kenyataan yang menimbulkan panik dan mempengaruhi pasaran berkaitan harga barang keperluan dan perkhidmatan.

Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Tan Sri Soh Thian Lai, mengakui beliau menerima panggilan daripada Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail yang membangkitkan perihal berkenaan, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya kenyataannya mengenai unjuran

kenaikan harga barang kepada sebuah portal berita itu dibuat berdasarkan maklum balas responden yang diterima melalui tinjauan persekutuan berkenaan.

"FMM adalah organisasi profesional dan hanya mengeluarkan kenyataan berdasarkan fakta. Saya akui MyCC ada beri nasihat mengenai perkara ini, tetapi bukan hanya kepada FMM sahaja, ia turut membabitkan beberapa pihak lain.

"Saya juga sudah meminta wakil FMM untuk menghubungi Iskandar (untuk menjelaskan kenyataan berkenaan) kerana ini adalah hasil dapatan tinjauan di-

lakukan ahli. Saya hanya beri maklumat berdasarkan hasil tinjauan berkenaan.

"Bagaimanapun, kita bersedia untuk memenuhi nasihat dieluarkan MyCC dalam perkara ini," katanya kepada *BH*, semalam.

Terdahulu, Iskandar menerangkan kenyataan beberapa gabungan dan pertubuhan berkaitan kenaikan harga barang dan gangguan bekalan makanan tertentu dianggap percuapan mempengaruhi tingkah laku perusahaan dalam pasaran.

Sementara itu, Penasihat Gabungan Persatuan Peladang Ter-

nakan Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, ketika dihubungi berkata, pihaknya tidak akan mengeluarkan sebarang kenyataan lanjut mengenai bekalan dan unjuran kenaikan harga ayam dan telur, sebaliknya menunggu isu berkenaan diselesaikan kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak akan menghalang mana-mana ahli gabungan itu daripada mengeluarkan sebarang kenyataan kepada media, namun ia tidak akan mewakili pandangan FLFAM dan dibuat atas kapasiti peribadi semata-mata.

"Kita akan biarkan mana-mana ahli atau penternak berdaftar di bawah FLFAM membuat kenyataan mereka dan kepemimpinan gabungan sentiasa menghormati tindakan serta keputusan individu terbabit.

"Ini kerana mereka berhak untuk menyuarakan pandangan dan kita tidak boleh halang mereka daripada berbuat demikian. Namun, bagi FLFAM kita tidak akan keluarkan lagi sebarang kenyataan lanjut mengenai bekalan ayam atau telur," katanya.

Saya juga sudah meminta wakil FMM untuk menghubungi Iskandar (untuk menjelaskan kenyataan berkenaan) kerana ini adalah hasil dapatan tinjauan dilakukan ahli

Soh Thian Lai,
Presiden FMM

